



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127]

P.U. (A) 145/2007

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (KAWALAN KANDUNGAN PETROL DAN DIESEL) 2007

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :

1 April 2007

Tarikh mula berkuatkuasa :

1 April 2007

SUSUNAN PERATURAN

[Mukadimah](#)

- Peraturan 1. [Nama dan permulaan berkuat kuasa](#)
- Peraturan 2. [Tafsiran](#)
- Peraturan 3. [Pemakaian](#)
- Peraturan 4. [Pematuhan terhadap kandungan](#)
- Peraturan 5. [Kuasa pegawai diberi kuasa](#)
- Peraturan 6. [Kaedah pensampelan dan ujian](#)
- Peraturan 7. [Pensampelan dan penyimpanan rekod oleh pembekal bahan api](#)
- Peraturan 8. [Keperluan sistem pengurusan kualiti](#)
- Peraturan 9. [Ketua Pengarah boleh mengeluarkan notis](#)
- Peraturan 10. [Mengkompaun kesalahan](#)

[JADUAL PERTAMA](#)

[JADUAL KEDUA](#)

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 [Akta 127], Menteri, selepas berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Peraturan 1. Nama dan permulaan berkuat kuasa

(1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel) 2007**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2007.

Peraturan 2. Tafsiran

Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

"bahan api" ertinya petrol atau diesel;

"bekalan" ertinya menyediakan atau memindahkan bahan api kepada kemudahan, kenderaan atau sistem lain;

"diesel" ertinya apa-apa keluaran petroleum cecair yang, disebabkan oleh had-had penyulingannya, termasuk dalam kategori penyulingan pertengahan yang digunakan atau berupaya digunakan-

(a) untuk menjana enjin pembakaran dalaman dengan pencucuhan mampatan di dalam kenderaan bermotor atau kapal; atau

(b) sebagai bahan api di dalam loji-loji perindustrian;

"enjin pembakaran dalaman" ertinya apa-apa enjin yang beroperasi dengan cara pembakaran bahan apinya dalam enjin;

"kapal" termasuklah tiap-tiap jenis vesel atau perahu atau binaan terapung;

"kedai runcit" ertinya apa-apa tempat, bangunan atau kemudahan di mana bahan api dijual atau ditawarkan untuk jualan runcit;

"kelompok" ertinya kuantiti bahan api, yang dihasilkan atau diimport oleh pembekal bahan api, yang pengukuran kelompok bagi kandungan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama atau Kedua kekal tetap sepanjang keseluruhan kuantiti;

"kemudahan pengadunan" ertinya suatu kemudahan di mana keluaran petroleum yang berbeza diadunkan atau sejumlah stok adunan yang bukan bahan api diadunkan dengan sejumlah bahan api, dan hasil daripada pengadunan itu ialah bahan api;

"kenderaan bermotor" ertinya apa-apa jenis kenderaan yang dikendalikan dengan menggunakan mekanisme yang terkandung di dalam kenderaan itu sendiri dan dibina atau disesuaikan supaya berupaya digunakan di atas jalan;

"memproses selanjutnya" ertinya menjalankan apa-apa aktiviti ke atas bahan api, termasuk penyulingan, rawatan dengan hidrogen, atau pengadunan, yang aktiviti sedemikian adalah bagi maksud menjadikan bahan api itu mematuhi standard yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Kedua Peraturan-Peraturan ini;

"orang" ertinya seseorang individu, perkongsian, firma, syarikat, perbadanan atau mana-mana kumpulan orang;

"pegawai diberi kuasa" ertinya mana-mana pegawai yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta atau mana-mana pegawai lain yang kepadanya Ketua Pengarah telah mewakilkan kuasanya di bawah seksyen 49 Akta bagi maksud Peraturan-Peraturan ini;

"pembekal bahan api" ertinya pengeluar atau pengimport bahan api;

"pembeli-pengguna pukal" ertinya seseorang yang membeli atau selainnya memperoleh bahan api dalam bentuk pukal dan-

(a) mengagihkan bahan api itu ke dalam tangki bahan api kenderaan bermotor yang dimiliki atau yang dikendalikan oleh orang itu; atau

(b) menyimpan dan menggunakan bahan api itu di loji industri yang dimiliki atau yang dikendalikan oleh orang itu;

"penapisan" ertinya sesuatu kemudahan di mana bahan api cecair dihasilkan melalui penyulingan petroleum;

"pengedar" ertinya seseorang yang, dalam perjalanan perniagaan, mengangkut atau menyimpan bahan api atau menyebabkan diangkut atau disimpan bahan api, yang dihasilkan atau yang diimport oleh orang lain;

"pengeluar" ertinya seseorang yang menghasilkan bahan api di Malaysia dan memiliki, memajak, mengendali, mengawal atau menyelia sesuatu kemudahan penapisan atau pengadunan;

"pengimport" ertinya seseorang yang mengimport bahan api ke dalam Malaysia;

"Persatuan Pengujian dan Bahan Amerika (ASTM)" ertinya suatu organisasi pembangunan standard secara sukarela yang merupakan sumber rujukan bagi standard teknikal untuk bahan, produk, sistem dan perkhidmatan;

"petrol" ertinya keluaran petroleum cecair yang digunakan atau berupaya digunakan untuk menjana enjin pembakaran dalaman dengan pencucuhan positif atau percikan api di dalam kenderaan motor atau kapal;

"rekod" ertinya sijil kualiti yang dikeluarkan oleh pembekal bahan api yang mengandungi semua maklumat sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan 7(3).

Peraturan 3. Pemakaian

Peraturan-Peraturan ini terpakai bagi bahan api yang digunakan di dalam mana-mana enjin pembakaran dalaman (kegunaan bergerak dan tetap) dan di dalam loji-loji perindustrian.

Peraturan 4. Pematuhan terhadap kandungan

(1) Tertakluk kepada subperaturan (2), bahan api yang dihasilkan, disimpan, diagihkan, diangkut, dibekalkan, dijual atau ditawarkan untuk jualan di dalam Malaysia hendaklah mematuhi standard kandungan sebagaimana yang ditetapkan, dalam hal-

(a) petrol, dalam ruangan (2) Jadual Pertama; dan

(b) diesel, dalam ruangan (2) Jadual Kedua.

(2) Kehendak di bawah subperaturan (1) tidak terpakai bagi-

(a) bahan api yang bertujuan dieksport keluar dari Malaysia;

(b) transaksi bahan api bagi tujuan proses selanjutnya; dan

(c) bahan api yang digunakan dalam kenderaan bermotor yang digunakan bagi tujuan perlumbaan di mana-mana litar lumba di Malaysia.

(3) Mana-mana orang yang menghasilkan, menyimpan, mengedar, mengangkut, membekal, menjual atau menawarkan untuk dijual bahan api yang melanggar subperaturan (1) melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(4) Jika kesalahan di bawah subperaturan (3) dilakukan oleh pembekal bahan api, apabila disabitkan, dia boleh didenda tidak kurang daripada tiga ratus ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan didenda selanjutnya tidak melebihi lima puluh ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan.

Peraturan 5. Kuasa pegawai diberi kuasa

(1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menyiasat, memeriksa dan mengambil sampel apa-apa bahan api bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.

(2) Bagi maksud penyiasatan, pemeriksaan dan pengambilan sampel di bawah Peraturan-Peraturan ini, mana-mana pembekal, pengedar, pembeli pengguna pukal, pemilik kedai atau penduduk, atau mana-mana pemilik atau penduduk sesuatu premis, kenderaan atau kapal hendaklah membenarkan akses dan menyediakan bantuan yang perlu kepada pegawai diberi kuasa untuk menjalankan siasatan, pemeriksaan dan pengambilan sampel, termasuk mengemukakan rekod dan dokumen yang berkaitan yang disimpan mengikut peraturan 7 dan 8.

(3) Mana-mana orang yang menghalang mana-mana pegawai diberi kuasa dalam menjalankan kuasanya di bawah peraturan ini melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipenjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Peraturan 6. Kaedah pensampelan dan ujian

(1) Bagi maksud menentukan kandungan bahan api yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan ini-

(a) sampel yang mewakili bahan api hendaklah dikumpul mengikut ASTM D 4057; dan

(b) kandungan bahan api hendaklah dianalisis mengikut kaedah ujian yang ditetapkan dalam ruangan (3) Jadual Pertama dan Kedua.

(2) Walau apa pun perenggan 1(a) dan (b), Ketua Pengarah boleh menetapkan apa-apa kaedah pengambilan sampel dan ujian setara yang lain sebagaimana yang difikirkannya sesuai jika dia mendapati bahawa kaedah dalam perenggan yang disebut terdahulu tidak boleh dipraktikkan dengan munasabah, dengan syarat bahawa standard kaedah pengambilan sampel dan ujian itu tidak boleh lebih rendah daripada standard yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan ini.

Peraturan 7. Pensampelan dan penyimpanan rekod oleh pembekal bahan api

(1) Pembekal bahan api hendaklah bertanggungjawab bagi pensampelan dan menguji setiap kelompok bahan api selepas penyulingan, pengadunan atau pengimportan kandungan yang ditetapkan dalam ruangan (2) Jadual Pertama atau Kedua, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Bagi maksud pensampelan dan menguji di bawah subperaturan (1), sampel yang mewakili setiap kelompok bahan api hendaklah dikumpul dan dianalisis menggunakan kaedah yang dinyatakan dalam peraturan 6 dan suatu rekod hendaklah dikeluarkan kemudian.

(3) Rekod sampel yang diambil di bawah subperaturan (2) hendaklah mengandungi yang berikut:

- (a) jenis bahan api;
- (b) tarikh pensampelan dan pengujian;
- (c) kandungan bahan api; dan
- (d) kaedah ujian yang digunakan.

(4) Bagi maksud subperaturan (1), pembekal bahan api boleh melantik juruukur bebas sama ada untuk menjalankan atau menyaksikan dan mengesahkan pensampelan dan ujian baginya di luar Malaysia selagi kaedah pensampelan dan ujian dan rekod mematuhi kehendak subperaturan (2) dan (3).

(5) Walau apa pun rekod yang dikeluarkan atau yang disaksikan dan disahkan oleh juruukur bebas, pembekal bahan api hendaklah bertanggungjawab bagi apa-apa ketidak patuhan bahan api dengan kandungan yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan Kedua.

(6) Pembekal bahan api hendaklah menyimpan sampel dan rekod selama tempoh 6 bulan dari tarikh pensampelan.

(7) Pembekal bahan api hendaklah mengemukakan sampel dan rekod itu kepada Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa apabila diminta.

(8) Mana-mana pembekal bahan api yang melanggar mana-mana peruntukan di bawah peraturan ini melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(9) Bagi maksud peraturan ini, "juruukur bebas" ertinya suatu pihak yang, dengan sewajarnya, disahkan oleh dan didaftar dengan suatu badan pengesahan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam industri minyak dan gas dan pihak itu bukan seorang pekerja kepada pembekal bahan api.

Peraturan 8. Keperluan sistem pengurusan kualiti

(1) Mana-mana pembekal bahan api di Malaysia hendaklah mempunyai sistem pengurusan kualiti untuk memastikan bahawa apabila bahan api dibekalkan kepada pengedar, kedai atau pembeli pengguna pukal, bahan api itu mematuhi kandungan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama atau Kedua, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Sistem pengurusan kualiti hendaklah didokumenkan dan dikemukakan kepada Ketua Pengarah bagi maklumannya dan Ketua Pengarah hendaklah diberitahu mengenai apa-apa perubahan kepada sistem pengurusan kualiti itu.

(3) Bagi pembekal bahan api sedia ada, sistem pengurusan kualiti hendaklah didokumenkan dan dikemukakan kepada Ketua Pengarah tidak lewat daripada 3 bulan selepas permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1), (2) atau (3) melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Peraturan 9. Ketua Pengarah boleh mengeluarkan notis

(1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh mengeluarkan suatu notis untuk melarang mana-mana orang yang menghasilkan, menyimpan, mengedar, mengangkut, membekal, menjual atau menawarkan untuk jualan bahan api yang melanggar subperaturan 4(1) daripada terus menjalankan transaksi bahan api.

(2) Ketua Pengarah hendaklah, sekiranya berlaku apa-apa pelanggaran subperaturan 4(1), melalui notis bertulis mengeluarkan arahan kepada pembekal, pengedar, peruncit atau pembeli pengguna pukal bahan api melarang operasi selanjutnya kemudahan atau saluran sama ada sepenuhnya atau bersyarat, atau bagi apa-apa tempoh yang diarahkannya, untuk menjaga kesihatan atau keselamatan dan kebajikan awam.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau dipenjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Peraturan 10. Mengkompau kesalahan

(1) Kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini, kecuali kesalahan di bawah subperaturan 4(3), 4(4), 5(3), 7(8), dan 9(3), boleh dikompau di bawah seksyen 45 Akta.

(2) Pengkompauan apa-apa kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah mengikut tatacara yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompau Kesalahan-Kesalahan) 1978 [P.U. (A) 281/1978].

JADUAL PERTAMA

[Peraturan 4(1)(a)]

Piawaian Petrol Malaysia

(1)	(2)		(3)
KANDUNGAN	EURO 2-M		KAEDAH
	MINIMA	MAKSIMA	UJIAN
Plumbum, g/l		0.013	ASTM
			D 3237/
			D 5059/
			IP 224
Penyulingan			
IBP, darjah C	-	Akan dilaporkan	
10% peruwapan, darjah C	-	74	
50% peruwapan, darjah C	75	115	ASTM D 86
90% peruwapan, darjah C	-	180	
FBP, darjah C	-	215	
Sisa, isipadu %	-	2	

Tekanan Reid Wap, kPa	-	65	ASTM D 323/ D 5482
Jumlah Sulfur, mg/kg	-	500	ASTM D 3120/ D 2622/ D 5453/ IP 336
Benzen, isipadu %	-	5.0	ASTM D 4420/ D 6293/ D 3606/ D 5580

JADUAL KEDUA

[Peraturan 4(1)(b)]

Piawaian Diesel Malaysia

(1)	(2)		(3)
PROPERTIES	EURO 2-M		TEST
	MINIMUM	MAXIMUM	METHOD
Ketumpatan pada 15 darjah C, kg/l	0.810	0.870	ASTM D 1298/ D 4052
Nombor Cetane	49	-	ASTM D 613/ D 6890/ IP 498
atau			
Indeks Cetane Index	49	-	ASTM D 976/ D 4737
Penyulingan pada 95 %,	-	370	ASTM D 86

darjah C			
Jumlah Sulfur, mg/kg	-	500	ASTM D 4294/ D 2622/ D 5453/ IP 336

Dibuat 20 Mac 2007

[AS(S) 91/110/611/006 Jld. 3;PN(PU2)280/XI]

DATO' SERI AZMI BIN KHALID
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

Copyrights Reserved

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY
LAWNET
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD